

SOALAN NO : 469 469

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

Formatted: Top: 2.79 cm, Bottom: 2.79 cm, Width: 21 cm, Height: 29.7 cm, Header distance from edge: 1.27 cm, Footer distance from edge: 1.27 cm

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

SOALAN

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk menyediakan dan memuktamadkan garis masa mengenai siasatan dan laporan terhadap kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat berdasarkan cadangan Kementerian untuk menubuhkan jawatankuasa khas siasat ke atas kehilangan kedua-dua individu tersebut.

SOALAN NO : 469 469

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Jemaah Menteri melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2018 telah bersetuju supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat laporan SUHAKAM berhubung kes kehilangan pastor Raymond Koh dan Amri bin Che Mat.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang berkuat kuasa bermula pada 1 Julai 2019 dengan diberi mandat untuk menjalankan siasatan dalam tempoh enam (6) bulan dan hasil dapatan Pasukan Petugas Khas ini perlu dibentangkan kepada Jemaah Menteri kelak. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai seramai tujuh orang (7) orang yang terdiri daripada pesara Kerajaan, Pegawai Kerajaan yang masih berkhidmat dari pelbagai agensi dan pengamal undang-undang.

Buat masa ini, Pasukan Petugas Khas ini akan menjalankan siasatan terlebih dahulu terhadap kes kehilangan Amri bin Che Mat. Untuk menjamin ketelusan dan tiada konflik kepentingan, Kementerian Dalam Negeri telah mengarahkan PDRM untuk melantik pasukan Pegawai Penyiasat (IO) baharu yang tidak pernah terlibat dengan penyiasatan kes ini serta bukan dari Cawangan Khas, PDRM.

Walau bagaimanapun, memandangkan kes Pastor Raymond Koh masih dalam perbicaraan di mahkamah, maka siasatan oleh Pasukan Petugas Khas ini hanya akan dibuat setelah selesai perbicaraan di mahkamah supaya tidak mengganggu kes perbicaraan tersebut.

Dengan tertubuhnya Pasukan Petugas Khas ini, diharapkan agar siasatan yang lebih telus dapat dijalankan dalam memberi keadilan kepada semua pihak khususnya kepada keluarga mangsa serta pihak-pihak yang berkaitan.